

Headline **Pelajar disaran jadi pendeposit**
Date **01 Mar 2011**
MediaTitle **Sinar Harian (Utara)**
Section **NEWS**
Journalist **N/A**
Frequency **Daily**
Circ / Read **60,000 /**

Language **Malay**
Page No **u23**
Article Size **265 cm²**
Color **Full Color**
ADValue **1,458**
PRValue **4,374**



Pelajar disaran jadi pendeposit



■ Ahmad Sohaimi (dua,kiri) menerima sumbangan daripada Mansor (dua,kanan) pada majlis penyerahan cek .

Headline **Pelajar disaran jadi pendeposit**
Date **01 Mar 2011**
MediaTitle **Sinar Harian (Utara)**
Section **NEWS**
Journalist **N/A**
Frequency **Daily**
Circ / Read **60,000 /**

Language **Malay**
Page No **u23**
Article Size **265 cm²**
Color **Full Color**
ADValue **1,458**
PRValue **4,374**

BAYAN LEPAS – Tabung Haji mensasarkan golongan muda terutamanya pelajar dan lepasan universiti untuk mendaftar sebagai pendeposit supaya simpanan dapat membantu menanggung pembiayaan pengajian melalui penabungan bijak.

Pengarah Negeri, Ahmad Sohaimi Abd Rahim berkata, sasaran sebanyak 50 peratus ditetapkan sehingga 2012 dan usahagiat dijalankan supaya bilangan pendeposit akan bertambah.

“Walaupun jumlah umat Islam di negara ini 17 juta, namun hanya 5.6 juta atau 33 peratus daripada mereka yang mendaftar sebagai pendeposit.

“Jika diikuti, jumlah itu sememangnya sedikit namun, kami berharap pelajar sekolah, penuntut institusi pengajian tinggi (IPT) akan mula menyimpan wang untuk kegunaan masa hadapan.

“Golongan baru bekerja juga digalakkan untuk menabung kerana wang simpanan yang ada mampu menampung perbelanjaan terutamanya pada waktu kecemasan,” katanya dalam sidang media selepas Majlis Penyerahan Cek Tajaan Pembukaan Akaun TH Pelajar sumbangan Koperasi Tunas Muda Sungai Ara Berhad semalam.

Sumbangan sebanyak RM10,000 diagihkan kepada 10

sekolah terpilih di sekitar Barat Daya dan wang itu digunakan bagi membuka akaun 450 pelajar sekolah kebangsaan dan menengah antaranya Sekolah Menengah Kebangsaan Teluk Kumbar, Sekolah Menengah Kebangsaan Raja Tun Uda dan Sekolah Kebangsaan Sungai Ara.

Turut menghadiri majlis Ketua Sektor Pendidikan Islam Jabatan Pelajaran Negeri, Umar Azizi dan Pengerusi Koperasi, Mansor Musa.

Beliau berkata, usaha pihak koperasi yang menjalankan tanggungjawab sosial melalui kesedaran menabung wajar diterapkan oleh serata institusi kerana pelbagai manfaat yang diperoleh melalui penyertaan akaun Kelab Taha.

“Manfaat itu antaranya akan mendapat potongan harga tiket masuk ke Muzium Perang dan Taman Burung.

Selain itu, ahli Kelab Taha juga berpeluang untuk mengikuti klinik UPSR yang akan dianjurkan sempena menghadapi musim peperiksaan,” katanya kepada *Sinar Harian*.